

# PM terkilán tidak dapat rayakan Tahun Baru Cina

BH 10 FEB 2002

Oleh JAMHARIAH JAAFAR

KUALA LUMPUR; Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kini berada di Antartika, Kutub Selatan terkilán tidak dapat bersama rakyat Malaysia merayakan Tahun Baru Cina beberapa hari lagi, disusuli Hari Raya Korban.

"Saya mengucapkan selama Tahun Baru Cina kepada seluruh penduduk Cina di negara ini dan salam Aidiladha kepada umat Islam," kata Perdana Menteri dalam temu bual menerusi telefon dengan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik di Pusat Penyiaran Astro, di sini, malam tadi.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, beliau terpaksa 'melupakan' sambutan kedua-dua perayaan berkenaan, kerana peluang untuk melawat wilayah Kutub Selatan tidak mungkin akan hadir lagi bagi dirinya.

"Saya sangat kesal kerana tidak berada di dalam negara (untuk perayaan berkenaan) kerana selalunya pada Tahun Baru Cina saya akan menghadiri rumah terbuka.

"Saya sudah pasti akan merin-

duinya, tetapi ini adalah satu-satunya peluang saya untuk datang ke sini (Antartika) dan saya tidak fikir mampu untuk melakukan lawatan seperti ini lagi (pada masa depan).

"Kerana itu saya terpaksa melepaskan sambutan Tahun Baru Cina dan Aidiladha," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berhubung dengan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, dalam satu aturcara khusus dari Antartika yang diuruskan oleh Pusat Penyiaran Astro. Perbualan selama 10 minit diawasi oleh pengacara, Roland Lee.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali melawat kawasan tersejuk dunia itu dan antara yang mengiringinya Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press, Tan Sri Abdullah Ahmad dan Datuk Azhar Mansor.

Beliau bersama kira-kira 80 orang yang mengiringinya mena-

iki kapal pemecah ais Russia Kapitan Dranitsyn berlepas dari Uchuaia, Argentina, Ahad lalu, dan dijangka kembali mendarat di kawasan yang sama hari ini.

Dr Ling yang turut melaporkan suasana sibuk menjelang Tahun Baru Cina, juga menyentuh mengenai Tahun Kuda yang disebut sebagai 'ma' dalam bahasa Mandarin.

Katanya, dengan pangkal nama Dr Mahathir ialah 'ma', maka tahun ini juga adalah 'tahun Mahathir' dan ia melambangkan kepintaran, kekuatan dan deria arah yang mengagumkan.

Ketika menjawab Perdana Menteri berjenaka: "Saya sedar nama saya bermakna kuda dalam Cina tetapi saya berharap saya tidak terlalu berkelakuan seperti kuda. Saya harap saya dapat berjalan lurus dan terus memberi khidmat kepada rakyat dan negara ini."

Walaupun bercuti, program percutian itu masih mengandungi ceramah dan ketika berhubung dengan Dr Ling, Perdana Menteri berkata satu ceramah sedang diadakan oleh seorang saintis Malaysia.